

# UMP Advanced manfaat Bajet 2018

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
pengarang@utusan.com.my

**KUANTAN 17 Nov.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) Advanced memanfaatkan Bajet 2018 dalam melonjakkan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) serta Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dengan menyediakan program-program yang memenuhi keperluan pasaran semasa dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced, Dr. Mohamad Rozi Hassan berkata, usaha tersebut bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara, pembangunan modal insan dan melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi menerusi peruntukan yang diumumkan dalam bajet berkenaan.

"Selain menyediakan ijazah sarjana muda dalam bidang masing-masing, penuntut UMP juga memperoleh tambahan sijil profesional yang relevan dengan keperluan industri semasa yang mana akan memudahkan graduan untuk mendapatkan pekerjaan.

"Kumpulan sasaran bagi kemasukan khas ini adalah pemegang diploma atau setaraf dari universiti awam atau swasta, politeknik dan institusi latihan kemahiran (ILK) awam atau swasta.

"Sebanyak 23 program pengajian ditawarkan bagi kemasukan khas ini seperti bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, sains komputer, sains gunaan dan pengurusan teknologi," katanya di sini baru-baru ini.

Mohamad Rozi berkata, pro-

gram itu juga secara tidak langsung dapat membuka lebih banyak laluan bagi pelajar lepasan TVET dan ILK untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di UMP.

UMP Advanced juga, katanya, berperanan mewujudkan laluan alternatif PSH kepada golongan bekerja dalam bidang TVET dalam melahirkan individu dan profesional yang kompeten dengan memberi peluang serta ruang kepada warga kerja bagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"UMP Advanced juga menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula serta menyediakan rangkaian strategik bagi penguahan aktiviti sosioekonomi dalam kalangan masyarakat setempat dan pihak berkepentingan.

"Selain itu, UMP Advanced sentiasa memenuhi permintaan pihak industri yang memerlukan modal insan berkemahiran tinggi bagi memenuhi pasaran industri dalam dan luar negara," ujarnya.

Tambahnya, pelaburan dalam modal insan penting bagi meningkatkan kemajuan dan status sosioekonomi rakyat supaya mudah memperoleh akses pendidikan berkualiti seterusnya dapat mengharungi cabaran dan merebut ruang dalam ekonomi global.

Beliau berharap inisiatif yang bakal dilaksanakan UMP Advanced pada tahun depan dapat melahirkan individu dan profesional kompeten serta memberi peluang kepada warga kerja untuk melanjutkan pengajian serta meningkatkan kemahiran bagi penguahan aktiviti sosioekonomi.

## UMP ADVANCED

Statistik Graduan ▶ 2749 (Sejak 2011) ▶ 539 (2017)

### Program sarjana muda kemasukan khas

- Bidang ditawarkan :
  - Kejuruteraan
  - Sains Komputer
  - Sains Gunaan
- Teknologi Kejuruteraan
- Pengurusan Teknologi

• Pengambilan Februari 2018 ▶ Tarikh tutup permohonan: 15 Disember 2017  
• Permohonan secara online : [umpadvanced.ump.edu.my](http://umpadvanced.ump.edu.my)

## MAJLIS KONVOKESYEN UMP KE-12

### Jumlah graduan 2,845

- PhD - 58
- Sarjana - 211
- Sarjana Eksekutif - 181
- Bachelor Eksekutif - 43
- Sarjana Muda - 1,762
- Dwijijazah - 34
- Diploma - 241
- Diploma Eksekutif 315

### 23 penerima anugerah kecemerlangan akademik dan kokurikulum

- Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang)
- Anugerah Canselor
- Anugerah Naib Canselor
- Anugerah Emas Universiti
- Kecemerlangan Yayasan Pahang
- Kecemerlangan Profesor Datuk Dr. Mashitah Mohd. Yusoff
- Srikandi Matahari

### Dua anugerah baharu

- Kecemerlangan Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Anugerah Prihatin Komuniti Pusanpita
- Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan

### Produk prapengkomersialan

- Sembilan produk inovasi (Lampu LED Cepak Tenaga, Peranti Rehabilitasi Pergelangan Tangan, Gris daripada Sisa Industri Superkapasitor, Pengesan Bau Berbahaya, Kit Tumpahan Merkuri, Suplemen Tongkat Ali serta pemanis dan balsam daripada sumber semulajadi).

### Penerbitan

- Jurnal terbitan UMP iaitu *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering UMP (IJAME)* dan *Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES)* mencatatkan impak tertinggi bagi Cite Score iaitu 1.60 dan 1.16 berdasarkan pangkalan data Scopus (2016).
- Sebanyak 4,500 penerbitan jurnal berindeks direkodkan oleh pangkalan data Scival/Elsevier dengan jumlah sitasi adalah 18,108.